



KENYATAAN MEDIA

TARIKH AKHIR PENGEMUKAAN BORANG C, R, C1, TA, TC DAN TR TAHUN TAKSIRAN 2009

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memberikan peringatan kepada semua pembayar cukai kategori Syarikat, Badan Amanah dan Koperasi yang **Tempoh Perakaunannya Berakhir pada 31 Disember 2009** agar mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan mereka **selewat-lewatnya pada 31 Julai 2010**. Kegagalan mengemukakan borang tersebut adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan boleh dikenakan denda minimum RM200.00 dan maksimum RM2000.00 atau enam (6) bulan penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Justeru, LHDNM menggesa semua pembayar cukai berkenaan agar mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan dan menggunakan perkhidmatan e-Filing kerana ianya pantas di samping Mudah, Tepat dan Selamat. Sila layari laman web rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my untuk keterangan lanjut.

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	27 Julai 2010
Nombor Telefon	:	03-6203 1380
Nombor Faks	:	03-6201 2434
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

www.hasil.gov.my